

PERATURAN BAYARAN BALIK LETAK KENDERAAN (SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 2011)



TUJUAN

- ➔ Membantu pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi dan menyewa petak letak kereta di persekitaran pejabat.
- ➔ **Menjalankan tugas rasmi:** Tugas berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus yang dibenarkan yang memerlukan **pegawai kerap kali keluar masuk pejabat.**
- ➔ Dipanjangkan juga kepada penggunaan motosikal.



KADAR

Kadar sebenar/maksimum RM90.00 mengikut mana lebih rendah.



SYARAT

- ✔ Disahkan oleh Ketua Jabatan.
- ✔ Menyewa petak letak kereta /motosikal di persekitaran pejabat dan disewa secara bulanan.
- ✔ Tuntutan melalui tuntutan perjalanan bulanan pegawai dan berdasarkan resit.
- ✔ Jabatan boleh menerima sama ada tiket harian atau pas bulanan serta resit sewaan secara pukal atau tiket harian bercampur antara kereta dan motosikal.



Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Di Tempat Kerja Sektor Awam

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013

TASKA

- Taman Asuhan Kanak-Kanak di tempat kerja sektor awam yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

KADAR

- Kadar yuran sebenar atau maksimum RM180.00 sebulan/ anak.
- Dibayar terus ke TASKA oleh Jabatan.

1



3

**Tarikh Kuat Kuasa
1 Januari 2014**

SYARAT

- ✓ Kelayakan pendapatan isi rumah Pegawai tidak melebihi **RM5,000.00 sebulan.**
- ✓ Anak berumur di **bawah 4 tahun** mengikut tahun kalendar.
 - Sebagai contoh, jika tarikh lahir anak pada 20 Ogos 2003, pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA adalah sehingga 31 Disember 2007.
- ✓ Layak bagi pegawai yang menghantar anak ke TASKA agensi lain.
- ✓ Permohonan dengan mengisi Borang di **Lampiran A PP 38/2013**